

VAPE, SHISHA

DIHARAM

Harianmetro
5/12/2015
M/S 12

■ Pulau Pinang muncul negeri ketiga larang penggunaan rokok elektronik

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
am@hmetro.com.my
Georgetown

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, Rabu dan Khamis lalu memutuskan hukum menghisap rokok elektronik atau vape serta shisha stick adalah haram.

Mufti Pulau Pinang Da-

tuk Dr Wan Salim Wan Mohd Noor berkata, pengharman kedua-dua peralatan itu dibuat mengikut keputusan disepakati Panel Pakar Syariah (PPS).

Beliau berkata, ia berikutan kedua-dua alat berkenaan mampu menyebabkan kemudaratan dan pembaziran kepada masyarakat Islam dan ia berkuat kuasa serta-merta.

"Kita sudah bincangkan perkara ini dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang pada 2 dan 3 Disember lalu selain keputusannya disepakati sebulat suara.

"Ia perkara yang memudaratkan (kesihatan) dan tidak digalakkan penggunaannya," katanya.

Pulau Pinang muncul negeri ketiga mengharamkan penggunaan vape selepas Sultan Johor Sultan Ibrahim Iskandar mahu produk vape dilarang dijual di negeri itu dan semua premis vape ditutup berkuat kuasa 1 Januari depan.

Keputusan sama berhubung pengharman vape dan shisha stick turut dimuktamadkan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah pada 23 November lalu.

Mengulas lanjut, Wan Salim berkata, pengharman itu bagaimanapun hanya akan diwartakan dalam undang-undang syariah di negeri ini sekiranya ia dibangkitkan dalam Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan.

"Ia berikutan proses pewartaan hukum ini membatikan pelbagai proses selain ia agak sukar dan memerlukan masa agak lama untuk diwartakan berikutan perihal Islam di negeri ini terletak di bawah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong," katanya.

"Rokok elektronik mampu menyebabkan kemudaratan dan pembaziran"
Dr Wan Salim

